



GARIS PANDUAN PEMBERIAN GERAN *ONE-OFF* KEPADA PUSAT HEMODIALISIS SWASTA/NGO (PINDAAN JULAI 2017)

PENGENALAN

Garis Panduan Pemberian Geran *One-Off* kepada Pusat Hemodialisis Swasta/NGO adalah berkuatkuasa mulai 26 Julai 2017 dan terus berkuatkuasa sehingga apa-apa pindaan dibuat.

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan garis panduan ini adalah untuk menjelaskan peraturan-peraturan pemberian geran *one-off* kepada Pusat-Pusat Hemodialisis Swasta/NGO yang menyediakan khidmat rawatan hemodialisis kepada pesakit buah pinggang tahap akhir.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam Ucapan Bajet 2017 telah mengumumkan pemberian geran *one-off* sebanyak RM 200 ribu kepada pusat-pusat hemodialisis swasta/NGO bagi menggalakkan lebih banyak pusat hemodialisis swasta/NGO dibuka untuk menampung keperluan rawatan hemodialisis kepada pesakit buah pinggang.

3. *KELAYAKAN

3.1 Pusat-pusat hemodialysis swasta/NGO yang memenuhi syarat-syarat berikut adalah layak untuk membuat permohonan geran ini:

3.1.1 Pusat-pusat hemodialisis yang berkenaan hendaklah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ataupun pertubuhan/ perniagaan yang disahkan pengwujudannya di bawah undang-undang lain yang berkuatkuasa di Malaysia.

3.1.2 Pusat-pusat hemodialisis swasta/NGO mempunyai lesen yang sah di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

3.1.3 Permohonan pemberian geran *one-off* adalah terhad kepada pusat hemodialisis swasta/NGO *stand-alone*, tidak termasuk unit hemodialisis di hospital.

3.1.4 Permohonan pemberian geran *one-off*, terhad kepada maksima RM200 ribu adalah bagi:

- i) Penubuhan pusat hemodialisis yang baru yang mempunyai kapasiti sekurang-kurangnya 4 mesin dialisis, khasnya di lokasi yang masih memerlukan keperluan hemodialisis; atau
- ii) Peluasan (*extension*) bagi pusat hemodialisis sedia ada; atau/ dan
- iii) Penggantian mesin hemodialisis, sistem penapisan air RO dan sistem pemprosesan semula *dialyser reprocessing system* yang telah mencapai jangkahayat 7 tahun atau lebih.

3.1.5 Permohonan hanya terhad kepada entiti tempatan (100% pegangan saham individu dalam syarikat adalah milik warganegara Malaysia). Permohonan tidak melibatkan entiti yang mempunyai ekuiti asing termasuk syarikat yang mempunyai pegangan saham individu milik bukan warganegara Malaysia.

* Tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan jawatankuasa.

4. *ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

4.1 Asas-asas pertimbangan untuk pemberian geran bagi menubuhkan pusat hemodialisis baru atau peluasan pusat hemodialisis yang sedia ada atau/dan penggantian mesin dan peralatan dialisis adalah seperti berikut:

4.1.1 Terhadap kepada 5 pusat hemodialisis swasta/NGO sahaja bagi setiap pemegang lesen (pemohon).

4.1.2 Bertujuan bagi pembelian 3 jenis peralatan sahaja iaitu:

- Mesin dialisis,
- Sistem penapisan air *Reverse Osmosis System*, dan
- Mesin pemprosesan semula *Dialyser Reprocessing System*.

4.1.3 Bagi penggantian mesin dan peralatan dialisis yang mencapai jangkahayat 7 tahun atau lebih; pusat hemodialisis dikehendaki mengemukakan gambar mesin dan peralatan dialisis berkenaan, bersama-sama dengan bukti pembelian seperti resit/ inbois atau dokumen pengesahan **ASAL** yang menunjukkan bahawa mesin dan peralatan dialisis berkenaan adalah dibeli oleh pusat dialisis sendiri. Seandainya resit/ inbois asal tidak dapat dikemukakan; pusat dialisis boleh mengemukakan salinan resit/ inbois yang diakui sah atau surat pengesahan pembelian daripada syarikat pembekal.

4.1.4 Bagi pusat dialisis yang layak dan telah membuat pembelian peralatan dialisis pada tahun 2017, mekanisme tuntutan geran *one-off* dapat dipertimbangkan dengan kelulusan jawatankuasa dan **RESIT ASAL** pembelian peralatan berserta gambar dikemukakan. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan akuan Pesuruhjaya Sumpah.

* Tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan jawatankuasa.

5. MEKANISME PELAKSANAAN

5.1 Antara dokumen sokongan yang wajib dikemukakan bagi permohonan geran ini adalah seperti berikut:

5.1.1 Sesalinan Perlembagaan atau *Memorandum of Articles* perniagaan/ pertubuhan;

5.1.2 Sesalinan Sijil Pendaftaran Perniagaan/ Pertubuhan/ Pusat Hemodialisis;

5.1.3 Senarai ahli jawatankuasa kerja, Lembaga Pengarah dan pengurus-pengurus kanan;

5.1.4 Bukti pembelian/ resit/ inbois/ dokumen ASAL berkaitan mesin dan peralatan dialisis yang mencapai jangkahayat 7 tahun atau lebih (untuk permohonan penggantian mesin dan peralatan dialisis). Seandainya resit/ inbois asal tidak dapat dikemukakan; pusat dialisis boleh mengemukakan salinan resit/ inbois yang diakui sah atau surat pengesahan pembelian daripada syarikat pembekal ; dan

5.1.5 Kelulusan Menubuhkan atau Menyelenggarakan Pusat Rawatan Dialisis Swasta/NGO (Borang 2/10); atau Lesen untuk Mengendalikan dan Menyelenggarakan Pusat Rawatan Dialisis Swasta/NGO (Borang 4/7) dan sekiranya berkaitan, kelulusan peluasan (Borang 6) yang sah laku.

6. PROSEDUR PERMOHONAN

- 6.1 Semua permohonan hendaklah menggunakan **Borang KKM (KEW) 2/2017 - Bagi Permohonan Untuk Penubuhan Pusat Haemodialisis Baru/ Penambahan/ Penggantian Kemudahan Pusat Hemodialisis** yang boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 6.2 Semua permohonan kali pertama hendaklah disertai dengan sesalinan Perlembagaan atau *Memorandum of Articles* syarikat/ pertubuhan berkenaan dan Laporan Tahunan termasuk Laporan Kewangan yang telah diaudit dan disahkan oleh seorang juruaudit yang bertauliah.
- 6.3 Semua permohonan hendaklah dialamatkan kepada :-

Urusetia
Jawatankuasa Saringan Geran *One-Off*
d/a Bahagian Kewangan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

* Semua permohonan hendaklah dikemukakan sebelum 31 Oktober 2017.
Yang layak *first come first serve basis* (200 pusat hemodialisis).

7. JUMLAH GERAN *ONE-OFF* YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN

- 7.1 Jumlah Geran *One-Off* yang boleh dipertimbangkan bagi penubuhan pusat hemodialisis swasta/NGO adalah sebanyak RM200 ribu maksima untuk pembelian peralatan berikut :
- Mesin dialisis,
 - Sistem penapisan air *Reverse Osmosis System*, dan
 - Mesin pemprosesan semula *Dialyser Reprocessing System*.


8. PROSEDUR BAYARAN

- 8.1 Bagi permohonan geran *one-off* untuk pusat hemodialisis swasta/NGO dikehendaki menandatangani satu perjanjian persefahaman dengan pihak Kementerian Kesihatan setelah permohonan berkenaan diluluskan.
- 8.2 Geran *one-off* tersebut akan disalurkan kepada pusat hemodialisis swasta/ NGO sebaik sahaja perjanjian tersebut ditandatangani.
- 8.3 Pusat hemodialisis dikehendaki membuat pembelian mesin dan peralatan dialisis menggunakan geran *one-off* dalam tempoh **TIGA BULAN** setelah kelulusan geran diperolehi dan mengemukakan inbois ASAL pembelian peralatan (terkini). Salinan inbois adalah tidak diterima. Sekiranya didapati pusat-pusat hemodialisis menggunakan inbois palsu, permohonan yang diluluskan sebelum ini akan dibatalkan dan pusat hemodialisis swasta/NGO berkenaan dikehendaki membayar balik semua geran *one-off* yang diluluskan secara sekali gus. Kegagalan membayar balik secara sekali gus boleh menyebabkan tindakan undang-undang akan diambil.

9. JAWATANKUASA SARINGAN GERAN *ONE-OFF* KKM

- 9.1 Semua permohonan perlu dikemukakan kepada Urusetia, Jawatankuasa Saringan Geran *One-Off* yang akan menerima semua permohonan daripada pusat hemodialisis swasta/NGO dan Jawatankuasa ini akan menimbang/meluluskan permohonan-permohonan tersebut berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa tersebut.
- 9.2 Semua permohonan geran *one-off* yang dikemukakan oleh pusat-pusat hemodialisis swasta/NGO akan dibuat penilaian teknikal terlebih dahulu oleh Bahagian Amalan Perubatan sebelum diangkat ke Jawatankuasa Saringan Geran *One-Off* untuk kelulusan.
- 9.3 Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKM dan dianggotai oleh:
- i) Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)- Pengerusi Ganti
 - ii) Setiausaha Bahagian Kewangan/wakil,
 - iii) Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan/wakil,
 - iv) Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga/wakil,
 - v) Pengarah Bahagian Amalan Perubatan/wakil, dan
 - vi) Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Nefrologi/wakil.
- 9.4 Jawatankuasa ini juga akan menyemak Garis Panduan ini dari semasa ke semasa untuk mencapai objektif yang terdapat dalam Garis Panduan ini.
- 9.5 Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan jawatankuasa. Keputusan Jawatankuasa Saringan Geran *One-Off* adalah **MUKTAMAD.**

CARTA ALIR PEMBERIAN GERAN ONE-OFF KEPADA PUSAT HEMODIALISIS SWASTA/NGO



SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*)

Permohonan Geran *One-Off* - Borang KKM(KEW)2/2017

Borang permohonan yang lengkap diisi berserta perkara-perkara berikut:

BIL.	PERKARA	TANDA (✓)	CATATAN
1.	Sesalinan Perlembagaan atau Memorandum of Articles perniagaan/ pertubuhan/ pusat hemodialisis		
2.	Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan/ Pertubuhan/ Pusat Hemodialisis		
3	Senarai ahli jawatankuasa kerja, Lembaga Pengarah dan pengurus-pengurus kanan		
4.	Bukti pembelian/ resit/ inbois/ dokumen ASAL berkaitan mesin dan peralatan dialisis yang mencapai jangkahayat 7 tahun atau lebih (atau salinan yang diperakui sah); berserta gambar (*untuk permohonan penggantian mesin dan peralatan dialisis)		
5.	Kelulusan Menubuhkan atau Menyelenggarakan Pusat Rawatan Dialisis Swasta/NGO (Borang 2/10); atau Lesen untuk Mengendalikan dan Menyelenggarakan Pusat Rawatan Dialisis Swasta/NGO (Borang 4/7) dan sekiranya berkaitan, kelulusan peluasan (Borang 6) yang sah laku.		